



AL-HUDA

الهدى

<http://mufti.penang.gov.my>

BULETIN JMNPP

Siri 2/2016. Naskah Percuma

 jabatan mufti negeri pulau pinang



Ruangan Fokus: **Saham** m/s: **4**

Pasaran saham merupakan salah satu komponen dalam pasaran modal yang wujud di negara ini.



Istilah hukum: **Sukuk** m/s: **13**

Sukuk berasal dari bahasa arab iaitu صك (tunggal) dan صكوك (jamak) yang bermaksud dokumen (certificate).



Ruangan Tokoh : **Dato' Haji Mohd bin Haji Hashim** m/s: **14**

Dato' Haji Mohd bin Haji Hashim dilahirkan pada 14 Disember 1927 di Permatang Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang.

Masjid
Maqbul
Teluk Kumbar



MASJID MAQBUL TELUK KUMBAR

Masjid Qaryah Teluk Kumbar atau lebih dikenali sebagai Masjid Maqbul terletak di Kampung Masjid Teluk Kumbar, Pulau Pinang. Masjid ini diasaskan pada tahun 1879 dan telah dibina sekitar tahun 1960-an. Kedudukan masjid ini hanya 1.5 km dari Pekan Teluk Kumbar. Masjid ini telah dirasmikan oleh TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada hari Jumaat, 19 September 2014 bersamaan 24 Zulkaedah 1435H. Jika dahulu, masjid ini banyak kekurangannya dari sudut infrastruktur. Namun, disebabkan pertambahan jemaah dari masa ke semasa, kemudahan masjid ini mula dipertingkatkan. Sehingga kini kemudahan masjid semakin rancak diperbaharui seperti rancangan pembinaan bangunan baru yang serba lengkap.

Menurut Pengerusi Masjid Qaryah Teluk Kumbar, Dato' Prof. Muhammad Idris Hj. Saleh, bangunan baru masjid akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti dewan kuliah, bilik mesyuarat, bilik pentadbiran serta kemudahan *homestay*. Keluasan tapak masjid keseluruhan seluas kira-kira 4 ekar telah pun selesai dan anggaran kos pembinaan bangunan utama dan lain-lain infrastruktur dianggarkan berjumlah RM9 juta. Masjid yang dibina ini, tidak hanya terbatas kepada ibadat khusus sahaja, seperti ibadat solat, sebaliknya, konsep dan falsafah masjid yang telah ditunjukkan dan dipraktikkan oleh Rasulullah SAW, merangkumi semua aspek kehidupan termasuk perhubungan di antara manusia dengan Allah dan antara manusia sesama manusia.

Visi Masjid Maqbul Teluk Kumbar adalah sebagai pusat ummah berjaya. Manakala moto masjid ini adalah kegemilangan ummah tanggungjawab ummah. Di antara peranan Masjid Maqbul adalah sebagai penjana generasi bertakwa, penyebar ilmu dan pemberi perkhidmatan fardu kifayah dan fardu ain bermula dari pendidikan agama hingga kepada keperluan ilmu agama terkini melalui sekolah agama dan infrastruktur masjid yang serba lengkap. Disamping itu juga, Masjid Maqbul berperanan sebagai pemberi perkhidmatan ekonomi melalui ruang niaga terbuka dan tertutup untuk aktiviti pengumpulan sumber keluaran tempatan dan luaran untuk aktiviti pengeluaran dan jualan. Antara peranan lain, Masjid Maqbul dijadikan sebagai pemberi perkhidmatan untuk urusan kelahiran, perkahwinan dan kematian dengan infrastruktur yang lengkap di samping menyediakan perkhidmatan kesihatan dan riadah sukan melalui ruang tertutup dan terbuka yang memadai.

Sidang Redaksi

KETUA EDITOR
S.S Dato' Dr. Wan Salim Bin Wan Mohd Noor

PENOLONG KETUA EDITOR
Haji Aminudin Bin Mohamad

EDITOR
Encik Mohd Jais Anuar Bin Ahmad

PENOLONG EDITOR
Puan Fairus Ain Binti Abdul Aziz

SIDANG PENOLONG EDITOR
Encik Mohd Rizuan Bin Idrus
Encik Ahmad Yusof Farid Bin Abdullah
Puan Norfazilah Binti Mohd Lidi

REKABENTUK
Cik Siti Asmah Binti Abdul Manap

Pena Editor

Alhamdulillah, segala puji dan syukur hanyalah kepada Allah SWT, yang melimpahkan rahmat-Nya kepada sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad SAW yang membawa rahmat ke seluruh alam. Buletin al-Huda kembali menemui para pembaca dengan izin Allah SWT, mudah-mudahan perkongsian yang akan dipaparkan dalam wadah ini, akan terus memberi manfaat kepada para pembaca disamping menyampaikan maklumat terkini mengenai aktiviti-aktiviti yang melibatkan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.


Seperti kelazimannya, Buletin al-Huda akan menyelitikan ruangan fokus sebagai perbincangan utama dalam penerbitan dwitahunan ini. Justeru, paparan kali ini memilih istilah saham atau pelaburan yang akan dibahaskan dan wajar diketengahkan untuk makluman masyarakat. Malah, akhir-akhir ini ianya merupakan satu *trend* dan kaedah bagi menjana sumber pendapatan seseorang. Malah instrumen ini dilihat semakin popular, kerana kaedahnyanya yang boleh dianggap mudah sekiranya mengabaikan beberapa aspek yang penting di dalam soal yang berkaitan dengan isu pelaburan.

Saham merupakan salah satu elemen dalam pelaburan. Saham adalah sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan. Pemegang saham adalah pemilik syarikat. Pemilikan ini dilambangkan melalui sijil saham yang dicatatkan nama pemegang saham. Beberapa aspek perlu dititikberatkan semasa menceburi bidang pelaburan saham ini antaranya status kehalalannya, status keabsahannya dari sudut undang-undang dan sebagainya. Pelabur baharu dinasihatkan untuk mempunyai pengetahuan tentang asas-asas pelaburan saham, analisis fundamental serta teknikal serta membuat kajian saham.

Jangan terus membeli sesuatu saham yang didengar tanpa membuat analisis dan kajian terlebih dahulu kerana kebiasaannya pihak yang memberikan petua saham ini awal-awal lagi telah menyatakan tidak akan bertanggungjawab jika keadaan berlaku sebaliknya. Pelabur dan pedagang saham juga boleh meminta nasihat dan pandangan daripada individu yang layak dan diiktiraf seperti penganalisis pasaran serta merujuk maklumat saham yang diberikan itu kepada pihak broker saham. Selalulah berbincang bersama rakan-rakan saham atau *remisier* dan *dealer*. Pelabur yang bijak dan matang akan berfikir terlebih dahulu bahawa untuk menjadi kaya tiada jalan pintas. Bukan sahaja di dalam bidang saham tetapi di dalam apa bidang sekalipun. Semoga perkongsian di paparan kali ini, memberi manfaat kepada para pembaca dan seterusnya menyemarakkan minat ke arah pembudayaan ilmu serta perkhidmatan informasi di dalam kehidupan.

2	Pena Editor
3	Bicara Mufti
4-5	Ruangan fokus : Isu Kewangan Islam (Saham)
6-7	Berita Jabatan
8-9	Warta kerajaan : Fatwa Mengenai Istitabah
10	Istilah Hukum : Sukuk
11-12	Lensa Al-Huda
13-14	Al-Quran / Falak : Kepentingan Ilmu Falak
15-16	Ruangan Tokoh : Dato' Muhammad Bin Hashim
17-18	Fatwa Pilihan : Bai' Al-"Inah
19	Kemasyarakatan Agama
20	Ruangan Pentadbiran Ruangan Kelab

Kandungan



Segala pujian hanyalah kepada Allah SWT, yang menurunkan berbagai nikmat dan kurniaan-Nya yang begitu banyak kepada seluruh makhluk di alam semesta ini. Selawat dan salam ke atas Rasulullah SAW yang membawa rahmat ke sekalian alam, kepada para sahabat, zuriat dan pengikut baginda sehingga ke hari kiamat.

Dalam menongkah arus globalisasi, umat Islam berhadapan dengan suasana dunia, yang semakin berkembang maju dari masa ke semasa. Kemajuan ini dapat dilihat dalam pelbagai bidang, termasuklah penemuan dan penciptaan teknologi yang kian merintis sebarang kemungkinan, apatah lagi dunia kini boleh dijelajahi dengan hanya di hujung jari. Namun begitu, disebalik kemajuan yang dinikmati ini, umat Islam masih lagi dibelenggu dengan masalah-masalah yang membantutkan kemajuan umat Islam dari pelbagai sudut pandang.

Hakikatnya, tiada sesiapa pun yang dapat menafikan bahawa umat Islam kini menghadapi pelbagai masalah. Kalau kita cuba mencari penyelesaian kepada masalah-masalah ini, maka langkah pertama ke arahnya ialah mengakui bahawa kita memang mempunyai masalah. Masalah-masalah yang menghimpit umat Islam dewasa ini, termasuklah masalah sosial dan jenayah yang amat membimbangkan. Malah kita turut berhadapan dengan masalah kemiskinan, kejahilan, kecelaruan pemikiran, kemunduran ekonomi dan lain-lain lagi yang merencatkan kemajuan yang ingin digapai.

Masalah kemunduran ekonomi di kalangan umat Islam telah mendorong sebahagian kecil daripada mereka mengambil jalan mudah untuk mencari kekayaan, iaitu dengan cara melabur dalam saham yang kononya menjanjikan pulangan yang lumayan. Akhirnya ternyata perlaburan yang dibuat itu, jauh meleset daripada sangkaan malah mereka ditipu dan diperkotak-katikan dengan saham yang tidak sah di sisi undang-undang serta hukum Syarak.

Masalah-masalah yang wujud ini akan menyumbang kepada kelemahan umat Islam dan menyebabkan mereka dipandang rendah oleh pihak-pihak lain sehingga mereka mudah menjadi mangsa yang sering diganyang, ditipu, diratah dan dimamah dengan rakus oleh pihak-pihak yang lebih berkuasa seperti yang berlaku pada masa kini di beberapa buah Negara Islam.

Keadaan ini pernah diingatkan, oleh Rasulullah SAW lebih 1400 tahun yang silam, apabila baginda bersabda yang bermaksud :

“Suatu masa kelak, bangsa-bangsa lain akan mengerumuni kamu, seperti orang mengerumuni hidangan. Mereka (sahabat) bertanya: Adakah disebabkan bilangan kami sedikit ketika itu, wahai Rasulullah SAW? Baginda menjawab:” Malah kamu ramai, tapi kamu (ibarat) sampah sarap yang dihanyutkan banjir. Demi sesungguhnya! Allah akan mencabut rasa gerun kepada kamu daripada dada musuh-musuh kamu dan nescaya Dia akan mencampakkan “al-wahnu” (kelemahan) ke dalam hati-hati kamu. Mereka bertanya: Apakah (maksud atau sebab) “al-wahnu” itu? Baginda menjelaskan : Cintakan dunia dan bencikan kematian.”

Dalam menekuni hadis di atas jelas menunjukkan bahawa, Rasulullah SAW telah menelah sesungguhnya pada satu masa selepas kewafatan baginda, umatnya akan direbut-rebut oleh umat yang lain kerana sudah menjadi umat yang lemah, padahal dahulu mereka merupakan umat yang kuat. Mereka sudah menjadi umat yang mundur, padahal dahulunya adalah umat yang maju. Mereka miskin padahal dahulunya mereka umat yang dilimpahi dengan kekayaan. Mereka jahil setelah dahulunya merekalah yang paling berilmu. Mereka juga berpecah belah, padahal kekuatan ukhwahnya dahulu mantap lagi teguh dan bersatu padu.

Setelah mengakui kita ada pelbagai masalah kini, persoalan seterusnya adalah apakah cara penyelesaiannya? Dalam mencari apa jua penyelesaian terhadap apa jua masalah yang timbul, kita perlu merujuk kepada ajaran agama yang berlandaskan al-Quran dan Sunnah bukan melihat kepada sumber-sumber asing yang lain seperti pemikiran tamadun Yunani mahupun Rom. Menjadikan kitab Allah SWT dan Sunnah Rasulullah SAW sebagai rujukan utama dan panduan bukan sahaja berkesan dan manfaat, tetapi juga merupakan satu kewajipan yang mesti dilaksanakan sebagai tanda taat dan patuh kita kepada perintah Allah SWT.

Selanjutnya kita mesti sanggup dan berani mengakui kelemahan dan kedhaifan yang masih banyak melingkari kehidupan umat Islam, seterusnya mencetuskan perubahan yang menyeluruh tentang segala kelakuan serta perbuatan yang negatif kepada positif menerusi usaha yang istiqamah, terancang dan berdisiplin. Usaha-usaha ini harus melibatkan pelbagai aspek kehidupan rakyat, pendidikan, pekerjaan, media, dakwah, ekonomi, sosial, kebudayaan dan lain-lain. Sesungguhnya Allah SWT tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum melainkan setelah mereka mengubah terlebih dahulu sikap dan keadaan negatif yang ada pada mereka kepada sikap yang lebih baik.

SAHAM

Pasaran saham merupakan salah satu komponen dalam pasaran modal yang wujud di negara ini. Malah ianya semakin berkembang pesat seiring dengan kadar pertumbuhan ekonomi negara yang kian meningkat saban tahun. Justeru, pasaran saham ini adalah salah satu kaedah pelaburan yang diceburi oleh masyarakat masa kini. Namun, masih terdapat di kalangan mereka yang masih kabur dan kurang memahami konsep pasaran saham sama ada dari segi ilmu, status pelaburan ataupun prosedur yang berkaitan dengan pelaburan saham berkenaan. Oleh yang demikian, pemahaman mengenai konsep saham ini perlu ditekuni agar penglibatan dalam sebarang urusan niaga yang terlibat di dalamnya akan dipandu dengan panduan undang-undang sedia ada serta hukum Syarak.

Saham berasal daripada perkataan arab *sahm* mempunyai pelbagai makna antaranya ialah nasib atau bahagian seperti firman Allah SWT dalam surah al-Saaffaat ayat 141 yang bermaksud :

“Maka iapun turut mengundi, lalu menjadilah ia dari orang yang kalah.”

Selain itu, saham turut bermaksud keberuntungan, kesempatan, sedikit daripada sesuatu yang banyak. Disebut juga sebagai *Asham Bainabum* (bahasa arab) yang bererti undilah di antara mereka, yang bererti undilah di antara mereka, *sahimahu sahimahu* yang bererti bagilah, *akhoza sahman* yang bererti mengambil kesempatan.

Menurut pandangan ahli-ahli ekonomi, saham dari segi istilah boleh dimaksudkan kepada dua perkara iaitu, bahagian tertentu pemodal sesebuah syarikat harta dan bahagian ini mewakili sebahagian tertentu modal syarikat menerusi pemilikan skrip saham bagi setiap pemodal. Ini dilihat sebagai suatu cara bagi pengesahan hak miliknya dalam sesebuah syarikat. Manakala yang kedua adalah skrip saham atau dokumen yang sah yang diberikan kepada setiap pemodal sebagai mengesahkan pemilikannya kerana setiap saham yang diberi kepada pemodal memberikannya suatu hak dalam syarikat mengikut peraturan yang selayaknya. Justeru, maksud yang kedua ini menjadi suatu amalan yang berlaku dalam perniagaan dan hal ini tidak wujud sebarang perbezaan di antara keduanya.

Menurut Prof Dr. Joni Tamkin, saham adalah perincian yang dibahagi ke dalam kelompok –kelompok modal perusahaan dan ditetapkan melalui surat berharga yang mencantumkan nilai nominal. Surat berharga atau sijil saham yang diberikan kepada pemilik saham adalah sebagai pengakuan terhadap haknya. Majoriti fuqaha’ Islam mengharuskan saham berasaskan kepada syarikat saham bersama kerana Syarak mengharuskan penanaman modal sama ada sama nilainya atau tidak di kalangan rakan kongsi.

Dalam erti kata lain, para pemegang saham secara bersama menanam modal dan mereka bersedia bersama menanam modal dan mereka bersedia menghadapi sebarang keuntungan atau kerugian yang menghadapi sebarang keuntungan atau kerugian yang mungkin berlaku, sekiranya berlaku kemuffisan syarikat,

wang yang tinggal selepas dibayar segala hutang piutang tinggal selepas dibayar segala hutang piutang hendaklah dibahagikan di kalangan pemegang saham. Mereka secara bersama menanggung kerugian oleh firma disebabkan oleh kemuffisan tersebut.

Islam amat menitik beratkan soal halal dan haram dalam sesuatu perkara, termasuklah hukum mengenai saham. Secara umumnya, Dr. Yusuf Al-Qardhawi menyatakan bahawa saham merupakan sebahagian daripada syarikat atau bank. Nilai saham akan berubah, iaitu ia akan turun dan naik berdasarkan prestasi yang ditunjukkan oleh syarikat atau bank berkenaan. Jika nilai saham naik, maka nilai keuntungan boleh diperolehi oleh para pelabur dan begitu juga sebaliknya. Sifat ini telah menjadikan pelaburan saham halal di sisi Syarak dan tiada halangan terhadapnya sama ada bagi menerbitkan, menjual, membeli atau menyimpan saham berkenaan. Selain daripada itu, Dr. Wahbah Al-Zuhaily turut menyatakan bahawa pelaburan saham adalah satu kegiatan yang halal dan diharuskan di sisi Syarak. Namun begitu, hukum keharusan ini bergantung kepada beberapa perkara-perkara lain yang perlu diperhalusi kerana mempunyai kaitan dengan isu-isu pelaburan agar selari dengan syariat.

Di dalam mendalami persoalan saham ini, beberapa isu yang berkaitan dengan saham boleh diketengahkan, antaranya seperti syarikat yang boleh dibeli sahamnya ataupun tidak. Syarikat yang boleh terlibat dalam pelaburan atau boleh dibeli sahamnya ialah syarikat yang terlibat dengan perniagaan yang mengikut syariat. Perniagaan adalah disyariatkan selagi berada dalam lingkungan halal. Lingkungan halal adalah terlalu luas berbanding dengan lingkungan yang diharamkan oleh Allah SWT. Oleh yang demikian nas-nas yang jelas berkenaan dengan perkara-perkara yang haram adalah terlalu sedikit. Manakala perkara-perkara yang tidak ada nas berkenaan dengan haram atau halalnya, maka ia termasuk dalam kaedah asal sesuatu perkara adalah harus. Dalam hal ini, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

“Apa yang dihalalkan di dalam kitab-Nya adalah halal, apa yang diharamkan adalah haram, apa yang didiamkan (tidak disebut apa-apa), maka ia adalah ‘afiah (diizinkan/baik), maka terimalah daripada Allah ‘afiah’ itu, maka sesungguhnya Allah tidak lupa sesuatu apa pun’. (Hakim t.th. (2): 375).

Setelah itu Rasulullah SAW membaca surah Maryam ayat 64 yang bermaksud:

“Kami (Jibril) tidak turun melainkan dengan perintah Tuhanmu; Bagi-Nya lah apa yang di hadapan kita dan apa yang dibelakang kita serta apa yang di antara itu dan tiadalah Tuhanmu itu lupa.”

Syarikat yang diharamkan ialah syarikat yang terlibat dengan perniagaan yang diharamkan oleh syariat. Perniagaan yang diharamkan dalam Islam perniagaan yang berada di dalam lingkungan haram seperti perniagaan arak, dadah, judi, babi dan berhala seperti firman Allah SWT di dalam surah al-Maidah ayat 90 yang bermaksud :

“Wahai orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah perbuatan keji dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.”

Begitu juga dengan perniagaan daging babi seperti firman Allah SWT. Di dalam surah al-Maidah ayat 3 yang bermaksud :

“Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan mati dipukul, dan mati jatuh, dan mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih, dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan) kamu mengundi nasib dengan anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik. Pada hari ini, orang kafir telah putus asa dari agama kamu. Sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka, sebaliknya takutlah kepada-Ku. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagimu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepadamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agamamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana lapar sedang ia tidak ingin melakukan dosa, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Tentang riba dijelaskan mengenai larangannya menerusi ayat di dalam surah al-Baqarah ayat 275 yang bermaksud:

“Orang yang memakan riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: Bahawa sesungguhnya jual beli itu sama saja seperti riba. Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Maka sesiapa yang telah sampai peringatan

dari Tuhannya lalu ia berhenti, maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (mengambil riba) maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.”

Tempat-tempat yang melalaikan termasuklah juga pelacuran dijelaskan pengharamannya menerusi firman-Nya di dalam surah al-Nur ayat 33 yang bermaksud :

“Dan orang yang tidak mampu berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya, dan hamba-hamba kamu yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekakan dirinya (dengan bayaran tertentu), maka laksanakan oleh kamu jika kamu mengetahui kebaikannya pada diri mereka, dan berilah kepada mereka dari harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu. Dan janganlah kamu paksakan hamba-hamba perempuan kamu melacurkan diri manakala mereka mahu menjaga kehormatannya, kerana kamu berkehendakkan kesenangan hidup di dunia. Dan barang sesiapa yang memaksa mereka, maka sesungguhnya Allah sesudah paksaan mereka itu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Di dalam surah al-Isra' ayat 32 juga Allah SWT berfirman yang bermaksud :

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jabat.”

Selain daripada perkara-perkara yang jelas larangannya menerusi nas-nas terdapat juga urusan-urusan yang boleh membawa kepada kerosakan apabila ditinjau dari segi natijah akhir seperti yang dihuraikan oleh Imam al-Syatibiy dalam kitab *al-Muwafaqat*. Dengan ini lahir kaedah *zad al-zarai'* iaitu menyekat pintu-pintu yang membawa kepada kerosakan seperti yang disebut oleh al-Qarafi iaitu memutuskan perkara *wasilah* (yang menyampaikan) kepada *fasad*.

Oleh yang demikian menjual sesuatu yang pada asalnya halal tetapi oleh kerana penjual mengetahui terlebih dahulu bahawa pembeli akan menggunakannya kepada perkara yang diharamkan oleh Allah SWT maka jualan tersebut adalah diharamkan oleh syariat. Di dalam hal ini Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

“Sesiapa yang menyimpan anggur pada hari memungut hasil lalu menjualnya kepada Yahudi atau Nasrani atau seseorang yang mengambilnya untuk tujuan membuat arak, maka sesungguhnya dia menjerumuskan api ke dalam hatinya”.

SEMBAHYANG SUNAT DUA RAKAAT SELEPAS BERWUDUK

Daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW berkata kepada Bilal r.a: Wahai Bilal, “Beritahulah kepada aku suatu amalan dan paling engkau harapkan pahalanya (yang engkau telah amalkan dalam Islam). Kerana sesungguhnya aku mendengar suara rentakan kedua kasutmu di dalam syurga”, kemudian Bilal menjawab : “Aku tidak melakukan sesuatu amalan yang berlebih-lebihan dimana aku mengharap pahalanya yang besar, sekiranya aku bersuci daripada hadas besar / kecil atau benar-benar najis di waktu malam ataupun siang melainkan aku akan sembahyang sunat wuduk selepasnya. Sebagaimana yang telah ditentukan kepadamu agar melakukan sembahyang sunat dua rakaat selepas sahaja aku berwuduk”.

(Hadith Riwayat Bukhari Dan Muslim)

Sumber : JAKIM (Kitab Terjemahan Dan Huraian Riyadus Solihin)

Sekiranya perniagaan adalah halal dilihat dari segi asasnya, tetapi bercampur dengan yang haram ketika berurusan seperti syarikat penerbangan yang terlibat dengan arak, maka perniagaan itu juga dikatakan haram bersandarkan kepada kaedah 'Apabila berhimpun antara halal dan haram maka dikira haram'. Walau bagaimanapun terdapat pengecualian ketika hajat atau darurat, dimana jika tidak ada yang sedemikian membawa manusia kepada kesusahan, maka ianya termasuk dalam kaedah yang lain, iaitu kaedah pengecualian seperti firman Allah SWT di dalam surah al-An'am ayat 119 yang bermaksud :

"Dan kenapa kamu tidak mahu makan (binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembeliknya, padahal Allah telah menerangkan kepada kamu apa yang dibaramkan-Nya atasmu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya? Dan sesungguhnya kebanyakan manusia bendak menyekat dengan hawa nafsu mereka tanpa pengetahuan. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui akan orang yang melampaui batas."

Lahir banyak kaedah fikah di dalam hal ini seperti yang terdapat dalam Majalah *al-Abkam al-'Adliyyah* perkara 2: darurat mengharuskan perkara yang dilarang, kaedah hajat menggantikan kedudukan darurat am atau khas (perkara 32), kaedah apabila bertembung dua keburukan, dihindari keburukan yang besar di antara keduanya dengan mengambil yang paling ringan di antara keduanya.

Begitu juga dengan kaedah jika sekiranya natijahnya membawa kepada masalah disebabkan masalah tertentu itu dituntut dan kaedah yang lain ialah sesuatu kewajipan yang tidak sempurna melainkan melalui perkara tersebut, maka perkara tersebut menjadi wajib. Oleh yang demikian:

1. Hendaklah saham-saham tersebut terbit dari syarikat yang mempunyai tujuan yang disyariatkan iaitu asas perniagaannya adalah halal. Sekiranya syarikat tersebut berdiri di atas asasnya yang halal tetapi kadangkala tertentu terdapat transaksinya berkait sedikit dengan aktiviti haram seperti faedah bank dan sebagainya, maka terdapat tiga pendapat di dalam masalah ini:

■ Haram kerana nas-nas menyuruh agar menjauhi dari perkara-perkara haram dan syubhah berdasarkan kaedah jika bercampur antara halal dan haram dimenangkan yang (dikira) haram. Menurut Dr. 'Ali al-Salus perkara ini adalah haram kecuali dapat diwujudkan panel syariah yang mengawasinya.

■ Harus berurusan dengan membeli saham syarikat-syarikat penting yang memberi khidmat awam seperti syarikat elektrik, perhubungan dan lain-lain. Fatwa ini datangnya dari Syekh

Mustafa Ahmad al-Zarqa' dan anggota panel syariah Muassasah *al-Rajhi Li A'mal al-Sorofah* di Arab Saudi. Fatwa ini khas bagi syarikat-syarikat penting yang memberi khidmat awam kepada manusia, yang mana ditimpa kesusahan atau *musyaqqah* dengan sebab ketiadaannya, tetapi bukannya terhadap kesemua syarikat.

■ Mengharuskan berurusan dengan syarikat-syarikat tersebut. Pendapat ini menegaskan bahawa sedikit yang haram tidaklah mencacatkan asasnya yang halal dan kebanyakan aktiviti adalah halal. Apatah lagi boleh dikira nisbahnya yang haram tersebut dan dikeluarkan daripadanya untuk diselesaikan secara syariat iaitu didermakan kepada orang miskin. Pendapat ketiga ini adalah lebih *rajih* dan ramai yang mendokong pendapat ini. Terdapat kaedah-kaedah *al-Qawaid al-Fiqhiyyah* yang dapat dijadikan landasan seperti Ibnu Nujaim dan al-Suyuti di dalam *al-Asybah Wa al-Nazair* serta *al-Kasani*.

2. Hendaklah saham itu lahir dari syarikat yang dikenali umum serta jelas perniagaannya tanpa bercampur aduk seperti syarikat-syarikat saham usahasama Amerika yang dikenali dengan nama mutual fund yang menjadi haram kerana dua perkara iaitu kerana jahil tentang kandungan syarikat-syarikat tersebut seperti syarikat pengeluar arak, riba dan sebagainya ataupun syarikat-syarikat ini terdiri daripada aktiviti-aktiviti yang tidak memenuhi syariat seperti jual beli secara hutang melibatkan faedah mahupun riba.

3. Tidak terlibat transaksi pada perkara-perkara yang dilarang oleh syariat seperti riba, *gharar*, kejahilan dan memakan harta manusia secara batil. Oleh itu tidak harus (haram) pelabur menerima saham yang mendapat perolehan yang tetap tanpa terikat dengan untung dan rugi syarikat.

Oleh yang demikian, umat Islam perlu berwaspada serta bijak dalam memilih pelaburan saham yang mematuhi standard pasaran saham Islam yang mendapat kelulusan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC). Pasaran saham Islam (PSI) merujuk kepada sebuah pasaran sama ada berbentuk bursa saham ataupun pasaran atas kaunter di mana aktiviti-aktiviti syarikat saham yang terlibat dijalankan dengan cara yang tidak bercanggah dengan pegangan umat Islam dan agama Islam. Dalam perkataan lain, pasaran saham Islam mengaplikasikan perundangan Islam dalam urus niaga pasaran saham di mana pasaran adalah bebas daripada penglibatan aktiviti yang dilarang oleh Islam serta bebas daripada unsur-unsur seperti riba, perjudian dan kesamaran.

(Dipetik Dan Disusun Semula Daripada : Kertas kerja Analisis Perkembangan Pasaran Saham Islam Di Malaysia (Mohd Yahya Mohd Hussin Dan Dr. Joni Tamkin Borhan) Kertas kerja Saham : Isu Dan Permasalahannya Dalam Konteks Malaysia (Dr. Mohamad Sabri Haron)

ISTILAH FALAK

IJTIMA' (إِقْتِرَان) NEW MOON / CONJUNCTION

Fasa bulan bermula dengan berlakunya al-ijtima'. Al-ijtima' berlaku apabila bulan berada di antara bumi dan matahari di longitud yang sama. Ketika ini bahagian bulan yang bercahaya menghadap matahari manakala bahagian yang gelap menghadap ke arah bumi. Bulan tidak akan kelihatan melalui pandangan dari bumi kecuali ketika berlaku gerhana matahari. Dalam keadaan ini bulan akan terbit dan terbenam bersama matahari.

KELEBIHAN BERDOA HARI JUMAAT

Daripada Abu Hurairah r.a, bahawa Rasulullah SAW menerangkan kelebihan hari Jumaat lalu Baginda bersabda : "Pada hari Jumaat ada sesuatu masa yang tidak akan ditemui oleh seseorang yang mendirikan sembahyang kemudian ia berdoa memohon sesuatu kepada Allah SWT, nescaya Allah akan memberi apa yang dipohonkannya itu. Baginda mengisytiharkan dengan tangannya sebagai tanda bahawa masa yang sangat berkat itu terlalu pendek".

(Hadith Riwayat Bukhari Dan Muslim)

Program Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang Bulan Julai hingga Disember 2016

BAHAGIAN : FATWA

5-6 Dis. 2016	Pen Mutiara Hotel, Penang Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang. Siri 6/2016	5 Ogos 2016	Bilik Mesyuarat, JMNPP Kuliah Fiqh Muasirah. Siri 3/2016
12 Dis. 2016	Dewan Sri Penang Maulidur Rasul 1438H/2016M	6 Ogos 2016	Dewan Seminar, UITM Permatang Pauh Konvensyen Keluarga Sejahtera 2
14 Nov. 2016	Pejabat Agama Daerah, Kepala Batas Program Bacaan Kitab Bughiyah al-Thullab	9 Ogos 2016	Dewan Syarahan, Masjid Negeri Pulau Pinang Muzakarah Kepimpinan Masjid & Hal Ehwal Kariah
15-17 Nov. 2016	PULAZA, Balik Pulau Kem Pemantapan Akidah		
25 Nov. 2016	Hospital Besar Pulau Pinang Kuliah Umum Siri 5/2016 (Dr. Ishak Mas'ud)	18 Ogos 2016	Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas Bengkel Kitab Turath Siri 6/2016
18 Nov. 2016	Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas Bengkel Kajian Fatwa	22-23 Ogos 2016	Hotel Seri Malaysia Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Siri 4/2016
18 Nov. 2016	Pejabat Daerah Dan Tanah, SPT Bicara Mufti. Siri 7/2016	25 Ogos 2016	Institut Pendidikan Guru Tuanku Bainun Seminar Fiqh An-Nisa' IPGKTB Zon Utara
24 Nov. 2016	Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas Program Bacaan Kitab Turath. Siri 9/2016	29-30 Ogos 2016	Pejabat Daerah Dan Tanah, SPT Bengkel Fiqh Manhaji
12-13 Okt. 2016	Hotel Seri Malaysia, Bayan Baru Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang. Siri 5/2016	16 Julai 2016	Masjid Negeri Pulau Pinang Program Selamatkan Zuriat Kita. Siri 4/2016
27 Okt. 2016	Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas Bengkel Bacaan Kitab Turath Siri 8/2016	22 Julai 2016	TUDM Butterworth Bicara Mufti. Siri 6/2016
28 Okt. 2016	Imigresen Seberang Jaya Bicara Mufti Siri 7/2016	23 Julai 2016	Masjid Teluk Air Tawar Program Selamatkan Zuriat Kita. Siri 5/2016
01 Sep. 2016	Bilik Mesyuarat, JMNPP Mesyuarat Pemilihan Tokoh & Anugerah Maal Hijrah. Bil. 1/2016	28-29 Julai 2016	Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas Bengkel Kitab Turath. Siri 5 & 6 /2016
19 Sep. 2016	Bilik Mesyuarat, JMNPP Mesyuarat Pemilihan Tokoh & Anugerah Maal Hijrah. Bil. 2/2016	30 Julai 2016	Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas Konvensyen Muslimah (Anjuran SALIMAH MALAYSIA)
22 Sep. 2016	Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas Bengkel Bacaan Kitab Turath Siri 7/2016		
28 Sep. 2016	Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas Muzakarah Isu Semasa Masjid Surau		
30 Sep. 2016	Auditorium MPSP, Perda Kuliah Umum Siri 4/2016		

BAHAGIAN : FALAK

29-30
Dis. 2016

Pusat Falak Syeikh Tahir, Balik Pulau
Cerapan Hilal Rabiul Akhir 1438H

10
Dis. 2016

Kampung Desa Lestari, Ulu Legong
Pameran Falak & Cerapan Langit Malam

1
Dis. 2016

Pusat Falak Syeikh Tahir, Balik Pulau
Lawatan Rumah Seri Kenangan, Perlis

7
Dis. 2016

Hotel Olive Tree, Bayan Baru
Mesyuarat Jawatankuasa Falak Negeri Pulau Pinang, Bil 2/2016



1
Nov. 2016

MRSM Merbok
Taklimat Falak

19
Nov. 2016

Masjid Jarak Atas
Taklimat Falak

1
Okt. 2016

Pusat Falak Syeikh Tahir, Balik Pulau
Lawatan Kariah Surau Al-Huda

1
Okt. 2016

Pusat Falak Syeikh Tahir, Balik Pulau
Cerapan Hilal Muharam 1438H

15
Okt. 2016

Surau Ibnu Sina, Perda Timur
Ceramah Falak

14-15
Okt. 2016

Tabung Haji Hotel
Bengkel Asas Penulisan & Semakan Pruf

21-22
Okt. 2016

UiTM Permatang Pauh
Kelas Tafaquh Falak Modul 2/2016

1
Sep. 2016

Pusat Falak Syeikh Tahir, Balik Pulau
Cerapan Hilal Zulhijah 1437H

3
Sep. 2016

Pusat Falak Syeikh Tahir, Balik Pulau
Lawatan Kariah Masjid Al-Maarif Kampung Hawa

28
Sep. 2016

Sekolah Kebangsaan Pauh Jaya
Pameran Dan Taklimat Falak



3
Ogos 2016

Pusat Falak Syeikh Tahir, Balik Pulau
Cerapan Hilal Zulkaedah 1437H

5
Ogos 2016

SMA Faqiah Damiah, Permatang Pauh
Ceramah & Cerapan Transit

19-20
Ogos 2016

Masjid Kampung Huma, Kedah
Pameran & Cerapan Langit

9
Ogos 2016

Pusat Falak Syeikh Tahir, Balik Pulau
Lawatan Tadika Khalifah

12-13
Ogos 2016

Chalet Terapung Merbok, Kedah
Bengkel Dalaman Falak

4
Julai 2016

Pusat Falak Syeikh Tahir, Balik Pulau
Cerapan Hilal Syawal 1437H

27-28
Julai 2016

Dewan Kuliah A, Universiti Sains Malaysia
The 10th ISDEV International Development Management Conference 2016 (IDMAC 2016)

BAHAGIAN : RUJUKAN MAKLUMAT

17
Okt. 2016

Bilik Mesyuarat, JMNPP
Bengkel Penerbitan Himpunan Keputusan Fatwa Negeri Pulau Pinang

19-27
Nov. 2016

Guangzhou, Shenzhen, China
Lawatan Rasmi Pendidikan Ke China



27-29
Sep. 2016

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Bengkel Kerja Pemuliharaan Manuskrip

30
Ogos 2016

Bilik Mesyuarat, JMNPP
Bengkel Penyemakan Bahan Terbitan Jabatan

19
Ogos 2016

Bilik Mesyuarat, JMNPP
Bahs' Al-Kitab (Book Review)

DITERBITKAN DENGAN KUASA
GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48 (3) dan (4) dan subseksyen 50 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [Enakmen 2], Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang atas perkenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL
FATWA MENGENAI ISTITABAH

1. Seseorang yang diertikan sebagai Islam, tetapi mengamalkan cara hidup bukan Islam seperti menyembah berhala atau telah melaksanakan “*deed poll*” (pengakuan menolak Islam) tidak boleh dihukum sebagai murtad atau disifatkan telah murtad melainkan setelah memperoleh suatu perintah bagi maksud itu daripada Mahkamah Tinggi Syariah.

2. Untuk mengisytiharkan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam, Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah terlebih dahulu memerintahkan orang itu menjalani program pemurnian akidah mengikut ketetapan yang akan ditentukan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri.

3. Mahkamah Tinggi Syariah, menurut fasal 2, hendaklah menetapkan tempoh Program Pemurnian Akidah mengikut satu tempoh yang dirasakan sesuai dan wajar oleh Mahkamah tetapi tempoh tersebut mestilah tidak kurang daripada 12 kali Majlis.

4. Jika orang itu, setelah menjalani program pemurnian akidah menurut fasal 2 dan 3, telah bertaubat mengikut Hukum Syarak, maka selepas itu Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah membatalkan kes murtad orang itu.

5. Mana-mana orang Islam yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjalani program pemurnian akidah menurut fasal 2 dan 3 namun gagal untuk bertaubat, maka Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah menangguhkan kes orang itu dan pada masa yang sama memerintahkan orang itu supaya menjalani program pemurnian akidah yang selanjutnya, mengikut satu tempoh yang dirasakan sesuai dan wajar oleh Mahkamah tetapi tempoh tersebut mestilah tidak kurang daripada 12 kali Majlis.

6. Mana-mana orang Islam yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjalani program pemurnian akidah namun gagal untuk bertaubat setelah tamat tempoh yang diperintahkan di bawah fasal 2,3 dan 5, maka selepas itu dan tertakluk kepada fasal 7 dan 8, Mahkamah Tinggi Syariah boleh membuat Perintah Interim untuk memerintahkan bahawa orang itu telah murtad dengan syarat bahawa orang tersebut :

- berakal, tidak sah murtad orang gila;
- baligh, menurut Imam Syafie dan Al-Imam Abu Yusuf, tidak sah kanak-kanak yang mumayyiz;
- membuat pilihan sendiri atau sukarela, tidak sah murtad orang yang dipaksa.

7. Mahkamah Tinggi Syariah dalam membuat perintah murtad mengikut fasal 6, mestilah juga sebelum membuat Perintah Interim tersebut, memerintahkan mengenai perkara-perkara berikut :

- pembubaran perkahwinan
- pembahagian harta sepencarian
- hak perwalian

- pembahagian harta pusaka; dan
- hadhanah*

8. Berkaitan dengan fasal 6, Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah menetapkan dan memerintahkan orang yang telah murtad tersebut supaya menjalani satu tempoh *Istitabah* tidak kurang daripada 12 kali Majlis.

9. Dalam keadaan bila mana seseorang yang tersebut di fasal 3 dan 5 telah meninggal dunia, maka beliau adalah masih seorang Islam.

10. Mana-mana orang yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah sebagai telah murtad mengikut fasal 6 dan telah menjalani *Istitabah* mengikut fasal 8, namun gagal untuk bertaubat, Mahkamah Tinggi Syariah boleh membuat perintah muktamad untuk mengisytiharkan bahawa orang itu telah murtad.

11. Mana-mana orang Islam yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah sebagai telah murtad dan dia gagal, ingkar atau enggan untuk bertaubat dalam tempoh *Istitabah* yang ditetapkan mengikut fasal 8, maka Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah menjatuhkan hukuman berdasarkan hukum Syarak.

12. Dalam keadaan bila mana seseorang yang telah diperintahkan sebagai murtad oleh Mahkamah Tinggi Syariah mengikut fasal 6 telah meninggal dunia, maka beliau adalah dianggap bukan lagi sebagai seorang Islam.

13. Adalah haram bagi orang Islam untuk mewakili orang Islam yang ingin murtad.

14. Orang Islam yang membantu orang Islam yang lain untuk murtad adalah dihukum murtad.

15. Bagi maksud Fatwa ini, “Majlis” adalah merujuk kepada proses runding cara, sesi kaunseling, program motivasi, ziarah dan apa-apa juga program lain yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk memulihkan akidah Islam.

16. Fatwa ini membatalkan Fatwa yang telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang menurut Warta Jilid 53, No.17 bertarikh 13 Ogos 2009.

Bertarikh 30 Mei 2012

[JMNPP(S)/19/1101/001(35); PUNPP 352/100/1/2/E-A/1]

DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang

ISTILAH FALAK

BULAN PENUH (الْبَدْر) FULL MOON

Pada hari ke 14 atau 15 fasa bulan akan menjadi bulan penuh atau purnama (Full Moon) dan kelihatan seluruh kawasan bulan yang menghadap matahari akan bercahaya. Fasa purnama berlaku apabila bulan berada pada kedudukan setentang dengan matahari. Ketika ini bahagian bulan yang menerima cahaya matahari menghadap ke arah bumi sepenuhnya. Bentuk sfera bulan dapat dicerap oleh pemerhati di bumi.

Siti Asmah binti Abdul Mavap
asmah@penang.gov.my



Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1438H
Peringkat Negeri Pulau Pinang



Kunjungan Hor
Ke Atas TYT Y



Kuliah Umum
Siri 4/2016



Bicara Mufti



Lawatan Sambil
Belajar ke PFST



Seminar Ilmu Falak



Ziarah Akhawiyyah
oleh Deligasi Pejabat
Penasihat Islam dari
Kedutaan Saudi



Taklimat Kewangan



Seminar Fiqh Al-Nisa ke 2



Konvensyen Keluarga Sejahtera 2



Munaqasyah Fiqh Falak 2016



Lawatan Pendidikan ke China



mat AJK Falak Negeri Pulau Pinang yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang

Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri 2016



Bengkel Panel Kajian Fatwa Siri 1/2016



Jejak Mufti



Hari Terbuka Sempena Sambutan Jubli Perak (25 Tahun) PFST



Kursus Intensif Ibadah Umrah Perdana



Muzakarah Kepimpinan Pengurusan dan Hal Ehwal Qaryah



The 10th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2016)

Majlis Cerapan Rasmi Hilal Syawal 1437H



Majlis Ramah Mesra dan Perbincangan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang bersama Jabatan Mufti Perak

Program Selamatkan Zuriat Kita Bil 4/2016

SUKUK

Sukuk :

Sukuk berasal dari bahasa arab iaitu **صك** (tunggal) dan **صكوك** (jamak) yang bermaksud dokumen (*certificate*).

• Menurut *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)*, *sukuk* adalah “certificate of equal value representing undivided shares ownership of tangible asset, usufruct and services (in the ownership of) the assets of particular projects or special investment activity”

• *Sukuk* adalah merupakan satu nama pada sijil kewangan yang seakan sama dengan surat hutang Islam. *Sukuk* juga boleh didefinisikan sebagai sijil bernilai dengan sebahagian atau keseluruhan dari pemilikan harta dalam mendapatkan hasil dan jasa dalam kepemilikan aset ataupun *sukuk* adalah surat yang berharga yang sangat sesuai dengan syariah Islam yang berprinsip melarang pembayaran riba.

Jenis-Jenis Sukuk :

Sukuk, berdasarkan strukturnya terdapat berbagai jenis, yang dikenal secara international dan telah mendapatkan *endorsement* dari *The Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)* adalah :

• *Sukuk Ijarah* : *Sukuk* ini adalah berdasarkan kepada pembelian atau penyewaan sesuatu aset melalui kontrak, bayaran sewa dan lain-lain lagi. Ianya adalah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan ciri-ciri asas pada *sukuk* ini ialah penekanan kepada kontrak yang mana pemegang sijil kontrak adalah bukan pemilik aset tersebut. Manakalah sewaan pula adalah melibatkan orang ketiga.

• *Sukuk Mudharabah* : *Sukuk* ini adalah berkaitan dengan pelaburan dan pemilikan ekuiti *Mudharabah* merupakan pemilik aset. Pemilik aset (**صاحب المال - رب المال**) akan menyerahkan kepada pihak yang ketiga (**مضارب**) bagi bertanggungjawab dan menguruskan aset tersebut. Manakala apabila mendapat keuntungan, maka ianya akan dibahagikan berdasarkan kepada nisbah persetujuan oleh kedua-dua belah pihak. Kerugian yang timbul akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemilik aset, selagi mana tidak ada unsur *moral hazard* (niat tidak baik) Tujuan *Sukuk* ini adalah menggalakkan penyertaan dalam projek-projek yang mempunyai pelaburan yang besar.

• *Sukuk Musyarakah* : *Sukuk* pelaburan yang melibatkan perwakilan ekuiti *Musyarakah* bermaksud perkongsian pemilikan yang melibatkan lebih dari dua orang individu dalam menubuhkan sesuatu perniagaan. Pembahagian keuntungan ataupun kerugian adalah berdasarkan kepada kadar pemilikan ekuiti. Tujuan *Sukuk* ini adalah untuk mendapatkan dana dalam sesuatu projek dan juga mengembangkan perolek yang sedia ada.

• *Sukuk Istishna/Salam* : *Sukuk* merupakan sijil pelaburan yang diterbitkan pada nilai yang sama dan bertujuan dalam menggerakkan modal atau dengan kata lain, pemegang sijil akan mengeluarkan modal terlebih dahulu dan akan diperolehi pada waktu-waktu yang tertentu yang telah ditetapkan. Pemegang-pemegang sijil berhak ke atas pelaburan yang diceburi itu.

Perbezaan Sukuk, Bon Konvensional, dan Saham :

Sukuk (Bukti)

Tuntutan pelabur bukan pada aliran tunai semata-mata. Wang yang dijana daripada terbitan *Sukuk* akan digunakan untuk membeli aset. Kontrak *sukuk* mesti memerlukan jaminan bahawa wang yang dijana daripada pelabur digunakan untuk membeli aset yang mana keuntungan pelabur datang daripada aset tersebut.

Bon Konvensional

Tuntutan pelabur pada aliran wang di masa hadapan kepada pihak yang menerbitkan bon tersebut. Tiada jaminan aset yang boleh dicagar untuk mendapatkan semula modal pelaburan.

Saham

Tuntutan pelabur pada aliran wang yang mana nilainya tidak tetap berdasarkan kepada permintaan, penawaran, pencapaian syarikat, keadaan ekonomi dan lain-lain lagi. Tiada jaminan keseluruhan keuntungan dan kerugian adalah milik pelabur sepenuhnya.

Sumber :

1. www.bursamalaysia.com
2. <https://realsyariah.wordpress.com>
3. <http://www.sukuk.biz>

TUNTUTAN MELAKUKAN SOLAT SUNAT TAHIYATUL MASJID

Daripada Abu Qatadah r.a katanya, Rasulullah SAW bersabda: “Apabila salah seorang daripada kamu semua masuk ke masjid maka janganlah terus duduk sebelum sembahyang dua rakaat (sembahyang tahiyatul masjid)”.

(Hadith Riwayat Bukhari Dan Muslim).

WANG SIMPANAN KWSP, SOCSO DAN SEUMPAMANYA BAGI AHLI BERAGAMA ISLAM YANG MENINGGAL DUNIA

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-49 yang bersidang pada 19 September 2000 telah membincangkan Wang Simpanan KWSP, SOCSO dan Seumpamanya Bagi Ahli Beragama Islam Yang Meninggal Dunia. Muzakarah telah memutuskan bahawa :

1. Wang KWSP dan wang disimpan adalah pusaka yang mesti dibahagikan mengikut hukum faraid.
2. Penama KWSP adalah wasi atau pentadbir harta. Penama hendaklah membahagikan wang KWSP (peninggalan si mati) mengikut hukum faraid.
3. Bahagian Undang-undang JAKIM hendaklah menasihatkan KWSP supaya menyemak peraturan dan undang-undang yang sedia ada berhubung dengan penamaan supaya selaras dengan hukum Syarak.



Dato' Haji Mohd bin Haji Hashim

Latar Belakang

Dato' Haji Mohd bin Haji Hashim dilahirkan pada 14 Disember 1927 di Permatang Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang. Beliau lebih dikenali dengan gelaran *As-Soghir* yang bermaksud “kecil” kerana beliau merupakan anak murid yang terkecil di antara murid-murid Tuan Guru Abdullah Fahim. Di samping gelaran *As-Soghir*, kebanyakan masyarakat sekeliling memanggil beliau dengan nama Ustaz Mohd Soghir kerana kealiman beliau dalam bidang agama. Beliau mendirikan rumahtangga dengan Datin Hajah Aminah binti Haji Anwar pada tahun 1960 dan dikurniakan dua orang cahaya mata perempuan.

Menurut isterinya, Dato' banyak menghabiskan masanya di rumah dengan menaip jawapan-jawapan kemusykilan dengan merujuk semua kitab-kitab yang ada di rumah sehingga jam 1 hingga 2 pagi. Walaupun disediakan kerani atau pemandu, Dato' jarang menggunakan perkhidmatan mereka selagi mana beliau mampu melakukannya sendiri. Beliau meninggal dunia kerana penyakit kencing manis ketika beliau berumur 63 tahun di kediaman beliau. Beliau menghembuskan nafas terakhir kira-kira jam 9.30 malam pada tanggal 21 Januari 1993. Beliau meninggalkan seorang balu dan dua orang anak perempuan dan seorang cucu perempuan. Jenazah beliau dikebumikan di tanah perkuburan Islam Masjid Badawi, Kepala Batas.

Pendidikan

Dato' Haji Mohd bin Haji Hashim merupakan bekas pelajar Pondok Daeratul Maarif al-Wataniah, Kepala Batas bersama-sama dengan Tun Abdullah Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia dengan bergurukan Tuan Guru Abdullah Fahim. Beliau merupakan cucu angkat dan anak murid kesayangan Tuan Guru Abdullah Fahim. Beliau pernah melanjutkan pelajaran ke Aligarh Universiti di Pakistan dalam bidang jurusan Ulum Syari'yyah. Beliau juga turut aktif dalam persatuan pelajar dan wakil pelajar di Geniva. Beliau fasih dalam beberapa bahasa iaitu Bahasa Arab, Inggeris, Urdu, Jepun, Tamil, Hokkien (Kantonis) dan Jawa. Atas kemahiran tersebut, beliau dilantik menjadi penterjemah Bahasa Arab ke Bahasa Melayu kepada Pengetua Kolej Islam yang pertama iaitu Ustaz Taquddin Qondil dari Arab Saudi. Di samping itu juga, beliau pernah menjadi guru bahasa Jepun semasa pemerintahan Jepun.





Kejaya

Dato' Haji Mohd bin Haji Hashim pernah menjadi tenaga pengajar di Pondok Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan. Pada tahun 1958, beliau pernah memegang jawatan sebagai guru agama di STAR (Sekolah Tuanku Abd. Rahman, Ipoh). Semasa tempoh perkhidmatan beliau di STAR, beliau telah dilantik dan diberikan tugas untuk menyediakan kertas soalan SRP (Sijil Rendah Pelajaran) selama 3 tahun selepas Allahyarham Dr. Rauf. Di samping itu juga, beliau turut menganalisa tentang perkembangan pendidikan agama di STAR di bawah naungan Guru Besar Tan Sri Dr. Hj. Hamdan Sheikh Tahir yang selepas itu Tun menjadi Gabenor Pulau Pinang. Beliau juga telah membuat sukatan ringkasan-ringkasan pengetahuan agama Islam tingkatan satu hingga tingkatan tiga atas kelulusan Pejabat Pendidikan.

Selepas kemerdekaan, beliau aktif di dalam bidang politik dan menjadi Setiausaha Agong Pemuda PAS sewaktu Allahyarham Doktor Burhanuddin Al-Hilmi. Pada tahun 1982, beliau telah berpindah ke Pulau Pinang dan seterusnya menjawat jawatan Mufti Negeri Pulau Pinang. Dalam tempoh perkhidmatan beliau sebagai Mufti, beliau adalah orang kelima yang dipilih menjadi peserta Kongres "Menjelang Abad 21 : Islam Dan Wawasan 2020" di PWTC (Pusat Dagangan Dunia Putra), Kuala Lumpur pada 3 hingga 4 Julai 1992. Beliau juga dilantik menjadi Ahli Majlis Agama Islam Pulau Pinang bagi tempoh 1 Januari 1990 hingga 31 Disember 1992. Beliau pernah menulis buku yang bertajuk "Star Through The Year".



Anugerah

Di antara anugerah yang pernah beliau perolehi ialah Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (D.M.P.N) kerana sumbangan beliau dalam perkhidmatan yang istimewa dan mempunyai taraf kedudukan yang tertinggi. Beliau juga dianugerahkan Pingat Pangkuan Negara (P.P.N) iaitu pingat untuk pangkat yang terakhir antara enam pangkat dalam Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara, kategori Anugerah Diraja Malaysia. Selain itu juga, beliau pernah dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K); pingat ini dikurniakan kepada individu-individu yang telah memberi khidmat bakti yang bernilai, berjasa dan telah berkhidmat dengan penuh tanggungjawab.



KEPENTINGAN ILMU FALAK

Menulis mengenai falak bukan sesuatu yang mudah. Mempelajarinya sahaja memerlukan ketekunan dan ketelitian yang tinggi apatah lagi untuk menulis sesuatu berkaitan falak. Justeru, penulisan dalam bidang ini amat terhad. Memandangkan kesukaran memperolehi bahan-bahan bercetak berkaitan falak di pasaran maka, kolum ini berusaha sedaya upaya untuk menyumbang bagi menampung sedikit sebanyak kelompangan yang ada. Senario ini juga secara tidak langsung memberi petunjuk kepada kita betapa kurangnya individu-individu yang berkecimpung dalam bidang falak ini. Sekaligus membataskan usaha-usaha untuk mengenengahkan ilmu falak secara lebih comprehensif ke dalam masyarakat.

Kecenderungan pembaca di pasaran juga yang lebih menggemari bahan bacaan santai dan mengelak bahan bacaan yang agak berat antara faktor lain yang membantutkan penghasilan karya seumpamanya. Kesannya, bidang falak ini dipandang sepi dan kelihatan eksklusif untuk para peminatnya sahaja. Sedangkan bidang ini sebenarnya sangat hampir dan dekat dengan masyarakat Islam. Banyak ayat al-Quran yang membicarakan mengenai kauniyyah atau penciptaan alam semesta yang menuntut umat Islam untuk merenung dan memikirkan kejadiannya. Seperti firman Allah SWT dalam surah Luqman, ayat 29 yang bermaksud:

"Tidakkah engkau memerhatikan bahawa Allah memasukkan malam pada siang dan siang pada malam (silih berganti) dan Dia memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhluk-Nya)? Tiap-tiap satu dari keduanya beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan dan (ingatlah) sesungguhnya Allah maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."

Ilmu falak ini juga diberi perhatian yang khusus oleh ulama'-ulama' silam setaraf dengan bidang-bidang keilmuan Islam yang lain. Misalnya, dalam rangka melaksanakan ibadah solat, seseorang terlebih dahulu perlu menentukan masuknya waktu solat dan menentukan arah kiblat maka, pengetahuan mengenai perkara tersebut dapat diketahui melalui ilmu falak. Begitu juga dalam rangka melaksanakan ibadah puasa dan haji, seseorang terlebih dahulu perlu menentukan bila bermulanya awal bulan Ramadan, Syawal, dan Zulhijah maka, pengetahuan mengenai perkara tersebut dapat diketahui melalui ilmu falak. Hasil penerokaan dan pengkajian yang mendalam ke atas aspek-aspek yang menjadi syarat dan rukun ibadah itu maka, para ulama' silam merekod pelbagai penemuan baru.

Pada mulanya, kajian yang bertujuan untuk menyempurnakan ibadah tetapi telah menerobos suatu bidang dan disiplin ilmu yang lebih luas. Antaranya adalah bidang matematik yang telah dipelopori oleh Abu Abdallah Muhammad ibn Musa al-Khawarizmi (780-850), bidang astronomi oleh Abu al-Rayhan Muhammad ibn Ahmad al-Biruni (973-1048), dan bidang perubatan oleh Abu Ali al-Husayn ibn Abd Allah ibn Sina (980-1037). Tidak terkecuali tokoh-tokoh Islam lain seperti Abu Ali al-Hasan ibn al-Haythami (965-1040) dalam bidang fizik, Abu

Hamid Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali (1058-1111) dalam bidang falsafah, Abu Zayd Abd ar-Rahman bin Muhammad bin Khaldun al-Hahrami (1332-1406) dalam bidang ekonomi, dan ramai lagi.

Tidak kurang juga tokoh di nusantara seperti Sheikh Tahir Jalaluddin (1869-1956) bersama sepupu yang juga gurunya, Sheikh Ahmad Khatib al-Minankabawi (1860-1916). Mereka muncul sebagai tokoh yang hebat setelah terinspirasi oleh petunjuk al-Quran dan pensyariatian ibadah dalam Islam. Inilah antara hikmah serta rahsia besar yang jarang dibongkar dan masih banyak tersembunyi di sebalik khazanah al-Quran dan pensyariatian ibadah serta hukum hakam. Menarik juga untuk diketahui mengenai latar belakang tokoh-tokoh ini adalah mereka bukan hanya mahir dalam bidang-bidang yang disenaraikan sahaja tetapi mereka juga arif dalam selok belok hukum hakam serta menghafaz al-Quran dan al-Hadith. Kerana di situlah bermulanya kepakaran mereka. Namun, mereka lebih ditonjolkan dalam satu-satu bidang sehingga menjadi ikon dalam bidang berkenaan.

Latar belakang pendidikan mereka memberi satu gambaran kepada kita mengenai kesepaduan ilmu yang diamalkan pada masa itu. Tiada dasar pemisahan dan pengkelasan tertentu antara satu bidang ilmu dengan bidang ilmu yang lain. Sikap dan keupayaan tokoh-tokoh ini yang sanggup menggalas cabaran meneroka bidang ilmu yang dianggap rumit juga antara faktor kejayaan mereka. Di samping sokongan masyarakat dan suasana pembudayaan ilmu yang wujud ketika itu. Walau bagaimanapun, era kegemilangan ini tidak dapat bertahan lama apabila musuh-musuh mula menggerakkan perancangan untuk memusnahkan kegemilangan itu dalam siri-siri penjajahan mereka. Justeru, umat Islam seperti kehilangan punca. Kesepaduan (integrasi) ilmu yang pernah diamalkan suatu masa dahulu harus disuburkan kembali dalam sistem pendidikan masa kini yang dilihat terus terbawa-bawa dengan konsep pemisahan (sekularisasi) ilmu.

Sistem pendidikan yang berorientasikan komersial juga menambah subur proses sekularisasi ilmu sekaligus membantut hasrat pelajar untuk mengembangkan usaha penerokaan bidang ilmu yang pelbagai disebabkan kekangan kewangan. Para pelajar seharusnya diperkenalkan kaitan dan hubungan antara bidang-bidang ilmu seperti pelajar aliran agama turut didedahkan dengan subjek-subjek dalam aliran sains manakala pelajar aliran sains juga turut digarap dengan subjek-subjek dinniah. Pelajar-pelajar yang mempunyai potensi dan keupayaan tinggi dikenal pasti lebih awal untuk dioptimakan potensi mereka dengan pendedahan cabang-cabang ilmu yang lebih luas dan mencabar. Namun, jika pelajar masih bersikap manja, mahu mengambil mudah, dan tidak gemar cabaran, proses ini hanya akan terbengkalai di separuh jalan. Formulanya telah diketahui dan tidak mustahil kita mampu mengulangi semula sejarah kegemilangan umat.

Bai' Al-'Inah

Mesyuarat berpandangan, walaupun terdapat perbezaan pandangan di kalangan ulama berkaitan dengan *Bai' Al-'Inah*, namun mesyuarat bersetuju dengan Pelaksanaan Skim Pembiayaan *Bai' Al-'Inah* seperti yang dikemukakan berdasarkan masalah kepada umat Islam.

Mesyuarat turut mengambil maklum pandangan para fuqaha' berkaitan *Bai' Al-'Inah* iaitu, *Bai' Al-'Inah* dikategorikan sebagai harus sekiranya sempurna rukun dan syarat jual beli. Antara golongan yang mengharuskan *Bai' Al-'Inah* ialah dari kalangan Mazhab Syafie serta sebahagian daripada Mazhab Hanafi. Abu Yusuf daripada Mazhab Hanafi berpendapat bahawa *Bai' Al-'Inah* adalah sah dan tidak makruh, manakala Muhammad Hasan al-Syaibani daripada Mazhab Hanafi juga berpendapat bahawa *Bai' Al-'Inah* adalah sah tetapi makruh.

(Dr. Wahbah Az-Zuhayli (1989), *al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*, Juzuk 4, Cetakan 3, Dimashq: Dar al-Fikr, Hlm. 467).

Namun begitu, majoriti ulama Mazhab Hanafi menyatakan jual beli *Al-'Inah* hukumnya adalah haram. Ini berdasarkan kepada hadis daripada Abdullah Bin Umar r.a bahawa Rasulullah SAW telah bersabda :

إِذَا تَبَايَعْتُم بِالْعَيْتَةِ وَأَخَذْتُمْ أَذْنَابَ الْبَقَرِ وَرَضِيْتُمْ بِالزَّرْعِ وَتَرَكْتُمْ
الْجِهَادَ سَلَطَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ ذُلًّا لَا يَزِيغُهُ حَتَّى تَرْجِعُوا إِلَى دِينِكُمْ.

“Apabila kamu melakukan jual beli *Al-'Inah* dan mengambil sekalian kamu akan segala ekor lembu (kinayah kepada orang yang tidak berperang sebaliknya sibuk dengan membajak dan berkebun sahaja) dan redha sekalian kamu dengan bertanam-tanaman dan meninggal sekalian kamu akan jihad, maka Allah akan menimpakan kepada sekalian kamu kehinaan, tidak akan mencabutnya sehingga kembali sekalian kamu kepada agama kamu”

(Riwayat Abu Daud daripada Nafi', berkata Ibn Hajar di dalam *Bulugh Al-Maram*: Diriwayatkan juga oleh Ahmad dari jalur 'atha', dan para perawinya dipercayai serta disahihkan oleh Ibnu Qatthan. *Al-Hafiz Ibn Hajar Al-'Asqalani, Bulugh Al-Maram Min Adillati al-Ahkam, Hadith No. 860, Hlm. 171-172*).

Manakala menurut Mazhab Maliki, hukum *Bai' Al-'Inah* adalah tidak harus.

(Muhammad bin Ali al-Shawkani (1999), *Nayl al-Awtar Syarh Muntaqi al-Akhyar min Ahadith Sayyid al-Akhyar*, Juzuk 5, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Hlm. 219).

Begitu juga pendapat daripada Mazhab Hanbali yang menolak keharusan *Bai' Al-'Inah*. Mereka menganggap bahawa *Bai' Al-'Inah* adalah hibah kepada riba.

(Abdullah bin Ahmad Ibn Qudamah al-Maqdisi (1999), *Al-Mughni*, Juz.45, Hlm.193).

Menurut Imam al-Nawawi dari Mazhab Syafie, hukum menjual secara tunai dan membeli dengan harga yang lebih tinggi secara tangguh adalah harus. Jumhur ulama Syafie juga mengharuskan jual beli ini walaupun tersebar atau tidak prinsip muamalat *Bai' Al-'Inah* di negaranya.

(Abu Zakariyya Yahya bin Sharf al-Nawawi (t.t), *Raudhah al-Tholibin*, Juz. 3, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Hlm. 86) & (Muhammad bin Idris al-Shafie (1993), *Al-Umm*, Juz.3, Beirut: Dar al-Fikr, Hlm.79).

Terdapat juga hadith Nabi SAW yang tidak mengharamkan *Bai' Al-'Inah*. Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى

اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا عَلَى خَيْبَرَ، فَجَاءَهُ بتمرٍ جَنِيْبٍ، فَقَالَ رَسُولُ

اللَّهِ: أَكَلْتُ تمرَ خَيْبَرَ هَكَذَا؟ " فَقَالَ: لا، وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّا لَنَأْخُذُ

الصَّاعَ مِنْ هَذَا بِالصَّاعَيْنِ وَالصَّاعَيْنِ بِالثَّلَاثَةِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ

وَسَلَّمَ: " لا تَفْعَلْ، بَعِ الْجَمْعَ بِالدَّارِهِمْ، ثُمَّ ابْتِعْ بِالدَّارِهِمْ جَنِيْبًا

Daripada Abi Said al-Khudri dan Abu Hurairah r.a: bahawa Rasulullah SAW telah melantik seorang lelaki sebagai wakilnya di Khaibar (Sawad bin Azbah Al-Ansori- Ruj:Bulugh Al-Maram). Lalu dia mendatangi baginda dengan membawa tamar janib. (kurma kering yang baik). Nabi SAW bertanya kepadanya: "Adakah semua tamar di Khaibar begini keadaannya?" Lelaki itu menjawab: "Tidak, demi Allah, sesungguhnya kami mengambil (membeli) segantang tamar janib (jenis yang baik) dengan dua gantang tamar janib (jenis yang kurang baik) dan dua gantang tamar janib (jenis yang baik) dengan tiga gantang tamar janib (jenis yang kurang baik)". Maka sabda Rasulullah SAW: "Jangan kamu lakukan demikian, tetapi juallah tamar janib dengan dirham, kemudian kamu belilah dirham tersebut akan tamar janib itu (jenis yang baik).

(Al-Hafiz Ahmad Ibn Ali ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari bi Syarhi Sahih al-Bukhari, Kitab al-Buyu' Bab: Izza Arada Bay' Tamr bi Tamr Khayr Minh*, Juzuk 5, Dar Al-Fikr, Hlm.146).

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi SAW menegah wakil Khaibar yang menukar sukatan tamar janib untuk mendapatkan mendapatkan tamar janib kerana ini adalah riba. Maka, nabi SAW mengarahkan wakil tersebut supaya menjual dahulu tamar janib kemudian setelah mendapat dirham maka barulah membeli tamar janib.

Jual beli yang diarahkan oleh Nabi SAW merupakan jalan penyelesaian untuk mendapatkan tamar janib (jenis yang baik). Hadis ini juga tidak mengkhususkan sama ada jual beli tersebut boleh dilaksanakan antara dua pihak yang sama atau pihak yang lain. Niat sebenar transaksi ini bukan jual beli semata-mata tetapi untuk mendapatkan tamar janib.

Adalah difahami bahawa institusi perbankan Islam pada hari ini terpaksa beroperasi dan bersaing dengan institusi-institusi perbankan konvensional dalam satu suasana *environment* (persekitaran) dan paradigma yang diwarnai dengan pemikiran materialistik. Ini bermaksud institusi perbankan Islam turut terpaksa bersaing untuk mengaut keuntungan semaksima mungkin atau menghadapi risiko kehilangan pemegang syer dan pelanggan.

(Atikullah Abdullah, *Kertas Kerja: Al-Hilah A-Fiqhiyyah: Konsep Kedudukan Dan Pemikiran Dalam Muamalat Maliyyah Semasa*, 25 September 2003).

KEMUSYKILAN AGAMA

SOALAN - Apakah status dan maklumat terkini berkaitan pelaburan ASB ?

JAWAPAN -

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang yang bersidang pada 16 Jun 1999 telah membincangkan mengenai hukum umat Islam yang melabur di dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Nasional (ASN). Mesyuarat tersebut telah memutuskan bahawa keuntungan / dividen yang diperolehi daripada ASB dan ASN adalah HARAM kerana pelaburan terbesarnya adalah Bank Ribawi (mengandungi riba). Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada 30 Disember 2009 masih mengekalkan keputusan yang sama sehingga kini iaitu memutuskan hasil daripada keuntungan / dividen ASB dan ASN adalah HARAM kerana masih terlibat dalam aktiviti pelaburan yang bercampur aduk antara patuh Syariah dan tidak patuh Syariah serta sebahagian besarnya adalah daripada sektor kewangan konvensional dan Bank Ribawi

SOALAN - Apakah hukum bagi seorang lelaki memakai jam tangan yang disadurkan dengan emas?

JAWAPAN -

1. Terdapat larangan yang jelas daripada Nabi SAW terhadap orang lelaki memakai emas. Sabda Nabi SAW yang bermaksud : *"Diharamkan memakai sutera dan emas ke atas golongan lelaki daripada umatku dan dihalalkan kepada golongan wanita mereka"* (HR Imam at-Tirmizi dari Abu Musa al-Asy'ari -r.a-. Menurut Imam at-Tirmizi; hadis ini hassan sahih). Malah turut dilarang ialah perkakas/peralatan daripada emas dan juga perak. Larangan ini merangkumi lelaki dan juga perempuan. Sabda Nabi SAW : *"Jangan kamu minum dalam bekas dari emas dan perak dan jangan kamu makan dalam pinggan dari keduanya kerana sesungguhnya ia untuk mereka (yakni orang-orang kafir) di dunia dan untuk kamu di akhirat"*. (Riwayat al-Bukhari dan Muslim dari Huzaifah r.a.). Hadis di atas walaupun hanya menyebutkan larangan bekas emas dan perak untuk makan dan minum, namun dikiaskan kepadanya peralatan-peralatan yang lain yang dibuat darinya untuk kegunaan lainnya kerana jika untuk kegunaan terpenting manusia (iaitu makan dan minum) ia dilarang, maka kegunaan yang kurang penting darinya lebih-lebih lagilah dilarang. Berkata Imam al-Nawawi r.a : *"Telah disepakati oleh sekalian ulama bahawa diharamkan menggunakan bekas dari emas dan perak sama ada untuk makan, minum, bersuci atau*

bentuk-bentuk penggunaan yang lain, sama ada bekas itu besar atau kecil, sama ada yang menggunakannya itu lelaki atau perempuan". (Syarah Sahih Muslim, Imam an-Nawawi). Termasuk yang diharamkan ialah jam dan pen dari emas dan perak. (Syeikh Majid al-Hamawi, ta'liq 'ala Matn al-Ghayah wa at-Taqrīb, halaman 28). Kesimpulannya, emas (begitu juga perak) hanya harus untuk perhiasan diri sahaja. Emas bagi perempuan sahaja manakala perak diharuskan / dibolehkan bagi perempuan dan juga lelaki dengan kadar yang diharuskan oleh Syarak. Adapun untuk dijadikan perkakas atau apa-apa kegunaan tidak diharuskan sama sekali. Oleh itu, jam yang dibuat daripada emas haram bagi lelaki memakainya sama ada atas nama perhiasan atau peralatan. Begitu juga, jam yang bukan keseluruhannya dari emas, akan tetapi terdapat bahagian tertentu dibuat dari emas seperti jarumnya, lengkungan mukanya, tangannya atau sebagainya juga diharamkan lelaki memakainya kerana ia juga termasuk dalam makna menjadikan emas sebagai peralatan atau perhiasan.

2. Adapun jam yang bersalut emas, jika salutan emas itu adalah tiruan (iaitu bukan emas, tetapi air emas atau bahan lain yang berwarna seperti emas), tidaklah dilarang. Namun jika salutan itu sememangnya emas (iaitu jam yang dibuat dari logam lain, kemudian disalut dengan lapisan emas di luarnya), jika salutan itu banyak, haram memakainya dengan sepakat para ulama. Jika salutan itu sedikit, ia menjadi khilaf di kalangan ulama seperti berikut :-

i. Menurut jumhur ulama (iaitu Mazhab Hanafi, Maliki dan Syafie) : Salutan yang sedikit tidak haram memakainya, akan tetapi makruh. Ukuran untuk menentukan banyak atau sedikit ialah; jika emas itu masih dapat dipisahkan dari logam yang disalutinya dengan cara peleburan, pengikisan atau seumpamanya, ia dianggap banyak. Jika sudah tidak dapat dipisahkan dengan apa cara sekalipun, ia dikira sedikit.

ii. Menurut Mazhab Hanbali : Diharamkan memakainya sama ada salutan emas banyak atau sedikit, sama ada emas itu dapat dipisahkan atau tidak lagi dapat dipisahkan, kerana larangan Nabi SAW dalam hadis tadi adalah umum merangkumi pengertian emas secara amnya (tanpa diikat dengan sedikit atau banyak). (al-Insaf, 1/478) Tindakan terbaik ialah kita tidak memakainya kerana jumhur ulama yang mengharuskannya tadi mereka mengharuskannya dengan hukum makruh (iaitu sekalipun tidak haram memakainya, akan tetapi makruh). Lagipun apabila terdapat khilaf di kalangan ulama, adalah lebih baik mengambil jalan untuk lari dari khilaf (dengan tidak melakukannya), itulah tindakan yang terbaik.

ISTILAH FALAK

CEMBUNG PENGGELAPAN (أحداب الأخير) WANING GIBBOUS

Selepas fasa purnama, bulan terus beredar mengelilingi bumi tetapi kawasan yang bercahaya pada bulan beransur-ansur berkurangan. Dalam fasa ini cahaya bulan sama seperti fasa cembung penggelapan tetapi bayang yang kelihatan berada di sebelah kiri.

SEMBAHYANG DHUHA

Daripada Zaid bin Arqam r.a, bahawa dia telah melihat sekumpulan orang ramai melakukan Sembahyang Sunat Dhuha. Lalu dia berkata: *"Apakah mereka ini tidak mengetahui bahawa Sembahyang Dhuha di waktu lain adalah lebih utama"*. Sesungguhnya Rasulullah SAW ada bersabda: *"Sembahyang orang-orang yang bertaubat itu ialah ketika anak-anak utang yang tidur berasa panas dengan cahaya matahari (panas terik yang bersangatan)"*.

(Hadith Riwayat Muslim)

Kemasukan/ Anugerah (Julai hingga Disember 2016)

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada dua orang pegawai berikut di atas sumbangan dan khidmat terbaik yang diberikan kepada jabatan ini.



• **Nurhidayah binti Mat Noor**
Bahagian Khidmat Pengurusan (N17)
bertukar ke Pejabat Daerah Timur Laut
15 November 2016



• **Muhammad Haiqal Ramesh bin Abdullah**
Bahagian Khidmat Pengurusan (H11)
bertukar ke Jabatan Imigresen (Putrajaya)
18. September 2016

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang mengalu-alukan kedatangan beberapa orang pegawai di jabatan ini. Semoga dengan kehadiran mereka di jabatan ini akan terus memperlengkap dan memperkasakan organisasi ini dalam mencapai visi dan misinya.



• **Siti Najwa binti Mohamed Ali**
Bahagian Khidmat Pengurusan (N17)
29 November 2016



• **Nor Amri bin Mohd Noor**
Bahagian Khidmat Pengurusan (H11)
19 September 2016

Sekalung tahniah kepada tiga orang warga Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang berikut yang telah menerima Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) dan Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M) di Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang tahun 2016 sempena harijadi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang ke-78 pada 15-18 Ogos 2016.



• **Mohd Zulhelmi bin Mohd Yusof**
Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)
15 Ogos 2016



• **Sobri bin Shariff**
Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M)
17 Ogos 2016



• **Muhammad Haiqal Ramesh bin Abdullah**
Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M)
18 Ogos 2016

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang ingin mengucapkan tahniah kepada Ustaz Jamil Bin Nordin kerana mendapat cahaya mata pada 22 Ogos 2016 yang lalu.

ISTILAH FALAK

FASA-FASA BULAN (أطوار القمر)

Fasa Bulan ialah peringkat perubahan bentuk bulan yang bercahaya sepanjang pusingannya di orbit mengelilingi bumi iaitu sebulan ijtima'. Oleh kerana bumi beredar mengelilingi matahari di satah ekliptik, kedudukan bumi relatif dengan kedudukan bulan dan matahari sentiasa berubah-ubah. Perubahan ini mengakibatkan permukaan bulan yang bercahaya dilihat dari bumi dalam keadaan bentuk yang berbeza-beza akibatnya terjadilah fasa-fasa bulan. Manakala ekliptik ialah kedudukan garisan orbit bumi mengelilingi matahari, disebut juga sebagai kawasan buruj. Ini adalah pergerakan hakiki bumi yang beredar mengelilingi matahari.



STATUS TERKINI PEMATUHAN SYARIAH SKIM SIJIL SIMPANAN PREMIUM BANK SIMPANAN NASIONAL (BSN).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012 telah membincangkan Status Terkini Pematuhan Syariah Skim Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional (BSN). Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut :

1. Setelah mendengar taklimat dan penjelasan daripada Bank Simpanan Nasional (BSN), Muzakarah mendapati dan berpuas hati bahawa pelaksanaan skim Sijil Simpanan Premium (SSP) oleh BSN telah dikemaskini dengan menggunakan akad Mudharabah (perkongsian untung) dan dana SSP dilaburkan dalam instrumen dan aset yang mematuhi Syariah serta hadiah-hadiah yang disumbangkan adalah menggunakan dana dari sumber Skim Perbankan Islam (SPI) BSN.
2. Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa skim Sijil Simpanan Premium yang telah diperbaharui pelaksanaannya oleh BSN adalah produk yang sepenuhnya mematuhi Syariah dan diharuskan oleh Syarak.

Ruangan Kelab Kebajikan dan Sukan JMPP (Januari hingga Jun 2016)

BIRO DAKWAH

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH / HARI	TEMPAT
1	Kuliah Kitab Wisyahul Afrah	10/02/16	Bilik Mesyuarat JMPP
2	Kuliah Kitab Wisyahul Afrah	13/04/16	Bilik Mesyuarat JMPP
3	Kuliah Kitab Wisyahul Afrah	15/06/16	Bilik Mesyuarat JMPP
4	Kuliah Kitab Wisyahul Afrah	21/09/16	Bilik Mesyuarat JMPP
5	Kuliah Kitab Wisyahul Afrah	17/11/16	Bilik Mesyuarat JMPP
6	Pengajian Kitab Bertalaqqi Bersama Dato' Hj. Hassan bin Ahmad	Sebulan Sekali - Sabtu	Rumah Dato' Hassan
7	Kursus Ibadah Umrah Perdana	19/10/16	Auditorium F, KOMTAR
8	Kelas Tajwid	02/02/16	Bilik Mesyuarat JMPP
9	Kelas Tajwid	08/03/16	Bilik Mesyuarat JMPP
10	Kelas Tajwid	12/04/16	Bilik Mesyuarat JMPP
11	Kelas Tajwid	10/05/16	Bilik Mesyuarat JMPP
12	Program Ramah Mesra Darul Hannan,	30/04/16	Pongsu Seribu

BIRO KEBAJIKAN

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH / HARI	TEMPAT
1	Majlis Berbuka Puasa	15/06/16	Pen Mutiara Hotel Penang
2	Jamuan Hari Raya Aidilfitri	21/07/16	JMPP
3	Hari Keluarga JMPP	26/11/16	Restoran Al-Arabi

BIRO SUKAN

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH / HARI	TEMPAT
1	Latihan Pingpong	Setiap Hari Khamis	JMPP
2	Latihan Bowling	Dua Kali Sebulan	Perangin Mall

SEMBAHYANG SUNAT TAHAJJUD

Daripada Abu Hurairah r.a katanya, Rasulullah SAW bersabda : "Puasa yang paling afdal selepas puasa bulan Ramadan ialah puasa pada bulan Muharam, dan sembahyang yang paling afdal selepas sembahyang fardu ialah sembahyang sunat tahajjud di waktu tengah malam".

(Hadith Riwayat Muslim).

GANJARAN TERBITAN DAN PENCEN TERBITAN

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-21 yang bersidang pada 12 September 1988 telah membincangkan Ganjaran Terbitan Dan Pencen Terbitan. Muzakarah telah memutuskan bahawa ganjaran terbitan dan pencen terbitan tidak termasuk sebagai harta pusaka, maka kaedah pembahagiannya tidak tertakluk kepada kaedah pembahagian harta pusaka.

Tentang riba dijelaskan mengenai larangannya menerusi ayat di dalam surah al-Baqarah ayat 275 yang bermaksud:

“Orang yang memakan riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: Bahawa sesungguhnya jual beli itu sama saja seperti riba. Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Maka sesiapa yang telah sampai peringatan dari Tuhannya lalu ia berhenti, maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (mengambil riba) maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.”

